

21/09/1998

Langkah selamatkan ringgit dapat perhatian

Kadir Dikoh

AKHIRNYA kuasa besar mula mengakui perlunya mereka mengubah strategi untuk menangani senario kewangan antarabangsa. Gesaan Presiden Bill Clinton Selasa lalu supaya menteri kewangan serta pemimpin Bank Pusat dari 22 negara maju dan membangun (Kumpulan 22) mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan di Washington bagi membincangkan bagaimana melaksanakan reformasi sistem kewangan dunia, membuka lembaran baru kepada sistem ekonomi dunia.

Yang nyata, ini juga satu kemenangan moral kepada Malaysia kerana apa yang dilaungkannya sejak lebih setahun lalu, tetapi disambut dengan sindiran sinis oleh masyarakat Barat, kini sudah mula diterima.

Begitu pun, kita masih rasa was-was sama ada gesaan Clinton itu jujur atau sebaliknya. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas kenyataan Clinton itu berkata gesaan pemimpin Amerika itu bukan kerana mereka lebih mementingkan ekonomi mereka, bukan juga kerana bimbang dengan masalah di Asia Timur.

"Kalau kita terus bermasalah dan mereka tidak kena (tidak menerima kesan), mereka tidak akan adakan apa-apa mesyuarat... ini adalah untuk kepentingan mereka. Kita harus berhati-hati," kata Dr Mahathir.

Clinton mahukan Kumpulan 7 (G7) dan G22 merangka penyelesaian jangka panjang bagi menangani krisis kewangan dunia. Kumpulan 22 dianggotai ahli G7 iaitu Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Britain, Perancis, Itali dan Kanada. Selain itu, Malaysia, Argentina, Australia, Brazil, China, Hong Kong, India, Indonesia, Korea Selatan, Mexico, Poland, Russia, Singapura, Afrika Selatan dan Thailand.

Clinton memberi tempoh sebulan untuk mengadakan sidang itu kepada G7 dan negara perindustrian baru. Tidak sampai sejam selepas saranan itu, G7 pula mengeluarkan kenyataan, memberi amaran mengenai risiko pertumbuhan ekonomi dunia akan merosot dengan lebih ketara berikutan kegawatan kewangan yang merebak pantas ke seluruh dunia. Ucapan Clinton dianggap sebagai usaha pentadbiran supaya negara dan dunia memberi tumpuan terhadap risiko kemungkinan ekonomi sejagat akan punah kecuali sesuatu dilakukan segera.

Daripada kalangan anggota G7, Jepun paling parah dilanda kegawatan ekonomi manakala negara Kumpulan 22 yang terjejas ialah Russia, Hong Kong, Malaysia, Indonesia, Korea Selatan, Thailand, Afrika Selatan selain negara Amerika Latin seperti Brazil, Argentina dan Mexico.

Persoalannya mengapa sekarang muncul suara supaya diadakan kawalan pasaran, lebih-lebih lagi ia diungkapkan sendiri oleh Amerika, anggota terkuat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Apabila Asia teruk dilanda krisis itu lebih setahun lalu, suara lantang supaya kegiatan spekulatif terhadap mata wang dan pasaran dikawal terutama dari Malaysia, tidak dihiraukan langsung. Mungkin melihat daripada perspektif ini, Dr Mahathir melahirkan rasa curiganya itu.

Gesaan Dr Mahathir di Hong Kong tahun lalu disambut dengan sindiran sinis kononnya ia adalah tindakan ke belakang dalam era dunia menuju ke arah pasaran bebas. Ketika itu, sebahagian negara Asia sudah menerima pukulan teruk daripada serangan spekulatif terhadap mata wang mereka.

Serangan spekulatif menular ke Russia, Afrika dan Amerika Latin selepas hampir keseluruhan Asia termasuk gergasi ekonomi seperti Jepun dan Korea Selatan dibelenggu kekalutan itu. Kesannya sekarang turut mengugat Amerika apabila sektor korporatnya mula terasa keperitan dengan catatan jualan menjunam. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika sudah mula goyah dan pasaran saham di Wall Street sudah terjejas.

Ini mungkin menyebabkan Amerika berasa perlu mengambil tindakan untuk mengelakkan masalah ekonomi menggugat 'rumah tangganya' sendiri. Malah, badan di bawah kawalan dan naungannya, iaitu IMF kini menghadapi masalah kewangan dan kewibawaan. Masalah dalaman IMF dan ditambah kecaman hebat masyarakat antarabangsa terhadap caranya menangani ketenatan ekonomi khususnya di Asia sejak kebelakangan ini memberi tekanan kepada badan itu dan Amerika.

Janji IMF tahun lalu untuk mengkaji saranan Malaysia supaya sistem kewangan dinilai semula bagi mengawal kegiatan spekulasi, hanya tinggal janji. Lebih menyedihkan, syor IMF untuk membantu memulih ketenatan ekonomi sesebuah negara dengan amalan rejim kadar faedah tinggi dan kekangan kredit bank, sebenarnya menjerat ekonomi negara pengamalinya. Lihat saja di Korea Selatan, Thailand dan Indonesia, yang bukan saja ekonominya tidak menunjukkan kesan pemulihan malah kesan sampingan merebak hingga pengangguran dan kadar inflasi meningkat yang memeritkan lagi kehidupan rakyat biasa.

Disebabkan tiada sebarang tindakan diambil badan dunia, Malaysia mendahului dengan memperkenalkan kawalan tukaran mata wang awal bulan ini dengan matlamat utama untuk menyekat pengaliran keluar ringgit. Kadar ringgit kemudian diikat pada RM3.80 berbanding dolar Amerika. Kesannya hasrat spekulator untuk menyerang ringgit terutama di luar pesisir berkubur. Ringgit sudah tidak sah lagi diperlakukan di luar Malaysia.

Tujuan di sebalik kawalan ke atas ringgit adalah bagi membolehkan perubahan dalam dasar kewangan - seperti mengurangkan kadar faedah bagi merangsang kegiatan ekonomi tanpa perlu bimbang mengenai ringgit menghadapi tekanan kegiatan spekulatif. Malaysia mahukan ringgit yang dianggarkan sekitar RM25 bilion yang disimpan di bank luar negara kembali ke tanah air dan mencetus aliran tunai yang banyak dalam negara untuk membantu menjana kegiatan ekonomi.

Sekarang, dunia sudah mula membuka mata mengenai rasional di sebalik tindakan Malaysia selepas ekonomi mereka turut terpalit. Hujah penganalisis terhadap kawalan modal bagaikan tidak tepat lagi dalam keadaan ekonomi yang terbantut.

Malah, rejim kadar faedah tinggi dan kekangan kredit bank seperti syor IMF boleh 'membunuh' ekonomi sesebuah negara dan sekali lagi teori ekonomi buku teks, tidak semestinya betul.

"Kita sependapat dengan Malaysia bahawa kawalan seumpama itu memang wajar sebagai tindakan sementara untuk membuka ruang melaksanakan langkah memulihkan ekonomi," kata bank pelaburan Salomon Smith Barney. Minggu lalu, bank itu dilantik sebagai penasihat kewangan kerajaan Malaysia untuk mendapatkan dana asing dan juga sebagai penasihat kepada Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) bagi mempermodalkan semula sistem perbankan tempatan.

Malah, Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) menyarankan supaya ekonomi serantau yang terjejas mengadakan kawalan modal bagi memperkukuhkan mata wang masing-masing. Sekali lagi, ini satu pengiktirafan kepada langkah Malaysia mengenai kawalan pertukaran mata wang bagi mempertahankan mata wangnya.

Komen Dr Mahathir : "Saya tidak kisah mereka memberi perhatian (kepada saya), saya sudah disifatkan sebagai orang gila oleh London Times, tapi apa yang penting ialah mereka berbuat sesuatu yang akan mengubah ekonomi dunia untuk pulih. Ekonomi dunia tidak boleh pulih tanpa pemulihan negara-negara di Asia Timur".

Menurut Prof Dr Paul Krugman dari Massachusetts Institute of Technology baru-baru ini, selepas Pelan A iaitu tunduk kepada IMF gagal, ini masanya untuk menggunakan Pelan B iaitu melaksanakan kawalan tukaran wang asing. Beliau menyarankan ekonomi Asia sudah tiba ke penghujung jalan dan masanya

sudah tiba untuk melakukan sesuatu yang radikal. "Keadaan keterlaluan memerlukan langkah keterlaluan," katanya.

Malaysia sudah memperkenalkan kawalan tukaran wang asing bermatlamat untuk menstabilkan ringgit dan melindungi ekonomi daripada kesan perkembangan terkini di dalam persekitaran ekonomi serta kewangan dunia. Peraturan baru yang berkuatkuasa serta merta itu juga bertujuan membendung spekulasi ke atas ringgit dan meminimumkan kesan aliran masuk modal jangka pendek terhadap ekonomi negara.

Barangkali, Amerika dan negara G7 perlu `melihat-lihat' apa yang Malaysia perkenalkan itu untuk `ditiru' dan diguna pakai. Peraturan kawalan tukaran asing Malaysia membabitkan empat bidang utama iaitu akaun luar, institusi depository yang sah, penyelesaian perdagangan dan mata wang yang dipegang pengembara.

Di California, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia akan mendesak supaya sebarang reformasi sistem kewangan antarabangsa harus mengambil kira kepentingan semua negara di dunia termasuk negara membangun. Menurutnya, walaupun Malaysia bersetuju mengenai perlunya reformasi di peringkat nasional dan antarabangsa tetapi untuk reformasi itu benar-benar membawa makna dan memberi kesan, ia tidak boleh dikenakan oleh segelintir ke atas mereka yang lain.

"Ia perlu mengambil kira manfaat reformasi itu kepada negara-negara berkaitan dan keupayaan negara-negara berkenaan untuk melaksanakannya," katanya berucap di Asia Society California Centre di Amerika Syarikat. Abdullah berkata, sistem kewangan antarabangsa juga harus mempraktikkan apa yang dianjurkan dan tidak mengamalkan

- double standard serta tidak berlaku percanggahan dalam melaksanakan dasar-dasarnya.

Kecuali reformasi itu benar-benar mengambil kira kepentingan negara, ada kemungkinan bahaya globalisasi akan memberi kesan buruk kepada negara-negara membangun.

Sistem pasaran bebas yang dilaungkan selama ini rupanya boleh `menjerat' ekonomi negara pengamalannya dan kerana kebebasan itu, spekulator dan dana lindung nilai bermaharajalela singgah di mana-mana pasaran.

Mereka datang menyerang mata wang, memberi tekanan kepada kenaikan kadar faedah dan mengaut untung dengan melepaskan pegangan saham atau mata wang apabila nilainya naik. Wang panas ini merosakkan ekonomi sesebuah negara kerana mereka bukan pelabur tulen dan ditokok pula oleh kegiatan mengadakan jualan singkat.

Melalui langkah terbaru itu, ringgit sudah tiada nilai lagi di luar negara dan dengan itu, ringgit yang dimiliki di luar Malaysia tidak lagi sah diperlakukan. Pembiayai kewangan Amerika Syarikat, George Soros boleh melupakan niat untuk kembali menyerang ringgit.

(END)